

07/02/1998

Rumah Gapena kekal

Anuar Asmadi

BARISAN Jawatankuasa Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) serta kerabatnya boleh menarik nafas lega apabila kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk mengambil balik Rumah Gapena di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur.

Isu mengambil alih Rumah Gapena begitu kuat diperkatakan tahun lalu dan khabarnya tapak itu akan diserahkan kepada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

"Buat masa ini kita tidak membuat apa-apa keputusan lagi tentang pengambilan tapak itu (Rumah Gapena)," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditemui di Majlis Hari Raya di rumahnya di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam baru-baru ini.

Walaupun singkat saja kenyataan itu, tetapi ia dapat mengembalikan keyakinan seluruh jawatankuasa dan kerabat Gapena.

Ketua Satu Gapena, Prof Emetritus Tan Sri Ismail Hussein, ketika dihubungi bersyukur mendengar kenyataan itu.

"Tidak ada hadiah hari raya yang paling istimewa selain kenyataan itu saja," katanya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Anwar, kenyataan itu katanya, telah mengembalikan semangat kerabat Gapena.

Menurut Ismail, kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengiktiraf perjuangan dan kegiatan Gapena dengan menganugerahkan sebuah banglo kerajaan di tanah seluas tiga ekar di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur, berhampiran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Wisma Putra, pada 1992.

Beliau tidak menafikan, yang Anwar memainkan peranan yang cukup penting bagi mendapatkan Rumah Gapena itu.

"Malah dengan bantuan wang ringgit dari usaha Datuk Seri Anwar juga Rumah Gapena begitu ceria sekali akhir-akhir ini," katanya.

"Selain TPM, turut sama menghulur bantuan khas termasuklah bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dr Abd Malik Hanafiah, juga Ketua Pengarah Dewan Bandaraya, Datuk Noordin Razak," katanya.

Turut membantu membaik pulih rumah Gapena itu termasuklah Syarikat Shapadu Corporation, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, Syarikat ICI dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rumah Gapena itu bukan saja menjadi ibu pejabat dan pusat pelbagai kegiatan Gapena, malah ia juga turut menempatkan Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA).

SMA ini dipersetujui ditubuhkan semasa perayaan Hari Sastera di Shah Alam pada 1993, dengan tujuan untuk membuat hubungan dengan kelompok Melayu di seluruh dunia.

Ia juga bertujuan menyelaraskan kegiatan kebudayaan, terutama bahasa, kesusasteraan dan kesenian Melayu, selain membuat serta menyebarkan dokumentasi dan kajian mengenai gejala masyarakat Melayu seluruh dunia.

SMA juga bertujuan mengusahakan pertukaran dan pemindahan kepakaran yang ada pada pelbagai kelompok, bagi kemajuan kelompok lain, terutama bagi bangsa Melayu di Malaysia.

Ketua Satu Persatuan Penulis Perlis (3P) Rejab Ismail sering menyoal mengenai tapak Rumah Gapena, setiap kali mesyuarat Lembaga Ketua-Ketua Satu Gapena.

"Sejauh mana kebenaran pengambilan balik Rumah Gapena oleh Kerajaan?"

tanya beliau dalam mesyuarat Lembaga Ketua-Ketua Satu Kerabat Gapena baru-baru ini.

Di sebelah Rumah Gapena juga terdapat Rumah Persatuan Penulis Nasional (Pena) dan Rumah Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWMM).

(END)